

23 APR 2002

TAWARAN KOMERSIL BAGI KERETA KEBAL DIJANGKA TIDAK LAMA LAGI, KATA NAJIB

KUALA LUMPUR, 23 April (Bernama) -- Poland dijangka akan membuat tawaran komersil tidak lama lagi bagi cadangan pemerolehan kereta kebalnya PT91 oleh Malaysia, kata Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Razak hari ini.

Beliau berkata angkatan tentera telah memperincikan spesifikasi teknikal bagi kereta kebal buatan Poland itu.

"Ia terpulang kepada mereka (Poland) kini untuk menterjemahkannya menjadi tawaran komersil. Beberapa komponennya mungkin tidak datang dari Poland, jadi mereka masih belum menetapkan harga bagi komponen berkenaan," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan ucapan pada satu seminar di sini.

Najib enggan memberikan butiran lanjut mengenai kos dan kaedah pembayarannya, menyatakan perkara itu masih dalam rundingan.

"Sukar bagi kita untuk berunding jika ia dilakukan secara terbuka," katanya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan keputusan kerajaan untuk membeli kereta kebal itu semasa lawatan beliau ke Poland bulan lepas.

-- BERNAMA  
MAM AHH RHM